

**SOALAN NO: 79**

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : Lisan

**DARIPADA** : **Dato' Fauzi Bin Abdul Rahman**  
[Indera Mahkota]

**TARIKH** : **25 Julai 2017 (Selasa)**

**SOALAN** : **Dato' Fauzi Bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan sama ada Kementerian bersedia untuk mengadakan kempen besar-besaran serta menzahirkan program membantu para petani dan penduduk kampung yang memiliki tanah agar tanah-tanah mereka ditanam dengan pelbagai jenis sayuran dan tanaman kontan yang boleh menjana pendapatan dan di samping itu mengurangkan kos sara hidup mereka. Adakah Kementerian bersedia untuk membekalkan benih-benih sayuran seperti benih lada, bendi, serai dan lain-lain secara percuma kepada masyarakat kampung ini sebagai galakan agar dapat meningkatkan tahap produktiviti masyarakat kampung.**

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) sentiasa berusaha menggalakkan dan mengadakan kempen bagi membantu para petani dan penduduk kampung yang memiliki tanah untuk ditanam dengan pelbagai jenis sayuran dan tanaman kontan yang boleh menjana pendapatan dan sekaligus mengurangkan kos sara hidup mereka. Kempen yang berterusan sentiasa diadakan dari masa ke semasa melalui akhbar, radio, laman Web, facebook dan media sosial lain supaya masyarakat didedahkan kepada kepentingan menanam sendiri tanaman makanan terutamanya sayur-sayuran bagi mengurangkan kos sara hidup di samping dapat menjual hasil tanaman apabila terdapat lebihan pengeluaran.

Kementerian juga telah melaksanakan beberapa projek yang melibatkan pelbagai jenis sayuran dan tanaman kontan bagi membantu para petani dan penduduk kampung menjana pendapatan di samping dapat mengurangkan kos sara hidup. Pada tahun 2017, sebanyak RM5,675,000 telah diperuntukkan bagi tujuan ini. Antara projek-projek yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Projek Bantuan Peningkatan Hasil Sayur-sayuran;
- ii. Projek Pembangunan Kluster Tanaman Kontan;
- iii. Projek Pembangunan Ladang Organik; dan
- iv. Projek Ekonomi Gantian Tembakau.

Insentif yang diberikan adalah dalam bentuk amalan teknologi meliputi pembangunan dan penambahbaikan insfrastruktur asas dan bahan-bahan input ladang. Daripada jumlah peruntukan di atas, sebanyak RM3,100,000 adalah diperuntukkan bagi input pertanian seperti baja, racun, benih tanaman dan alatan jentera kecil. Antara benih tanaman yang diberikan adalah seperti cili, bendi, sawi dan kangkung.